



Rujukan Kami : KPM.600-14/1/20 JLD/3 ()

Tarikh : 5 Mei 2017

3 Syaaban 1438 H

Encik Sean Chee
Pengarah Permasaran,
ICT Learning Sdn. Bhd.,
Blok E-03, Empire Damansara,
No. 2, Jalan PJU 8/8A,
Damansara Perdana,
47820, Petaling Jaya, Selangor.

Tuan,

PENGIKTIRAFAN PERTANDINGAN MENULIS ESEI BAHASA INGGERIS DKLS
LINGUISTIC AMBASSADOR AWARD 2017

Dengan penuh hormatnya surat pihak tuan bertarikh 14 April 2017 tentang perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **mengiktiraf** dan **menyokong pelaksanaan** Pertandingan Menulis Esei Bahasa Inggeris *DKLS Linguistic Ambassador Award* bagi tahun 2017. Pertandingan tersebut adalah sebagai satu daripada aktiviti peluasan bahasa Inggeris dalam usaha mendukung inisiatif Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBI).

3. Untuk makluman tuan, dasar KPM telah menetapkan bahawa syarat sesuatu program untuk mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan ialah dengan penyertaan empat (4) buah negeri yang berlainan termasuk negeri yang menjadi tuan rumah bagi program tersebut. Walau bagaimanapun, penganugerahan markah kokurikulum peringkat kebangsaan akan diberikan selepas pihak kami menerima laporan program yang berkenaan beserta pengesahan penyertaan peserta dari negeri-negeri lain.

4. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”

Saya yang menurut perintah,

(MAHAMAD AMRAN BIN KAMSI)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k. 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri